

KENYATAAN TAWARAN
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

RUJUKAN : MPK.Ps. 013 / 082

BERTARIKH : 08 OGOS 2017

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **PEMBUAT / PEMBEKAL TEMPATAN BERTARAF BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan masih dibenarkan untuk menyertai sebutharga berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA KOD BIDANG 221002 MEMBERSIH KAWASAN DAN 221003 MENGANGKAT SAMPAH	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP MAJLIS KAWASAN B (KUALA PERLIS)	TARIKH : 15 OGOS 2017 (SELASA) MASA : 10.30 PAGI - 11.00 PAGI TEMPAT : KAWASAN HADAPAN DEWAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, ARAU, PERLIS (DEWAN SIVIK, ARAU)

2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan perlu dihadiri oleh penama yang ditauliahkan seperti nama dalam sijil pendaftaran sahaja. Wakil-wakil kontraktor adalah tidak dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor perlu menunggu sehingga selesai taklimat dan lawatan tapak seperti yang diarahkan oleh Pihak Majlis. Sila bawa bersama **KAD PENGENALAN** dan **COP SYARIKAT** semasa lawatan tapak berkenaan.
3. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 30.00** daripada **BAHAGIAN PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat **NO. 192, PERSIARAN JUBLI EMAS, 01000 KANGAR, PERLIS** mulai daripada :-
- a) Tarikh Penjualan Dokumen : 17 OGOS 2017 (KHAMIS) - 21 OGOS 2017 (ISNIN)
- b) Masa Penjualan Dokumen : 8.30 PAGI - 4.00 PETANG
- c) Waktu Rehat : 1.00 TENGAHARI - 2.00 PETANG (ISNIN - KHAMIS)
: 12.15 TENGAHARI - 2.45 PETANG (JUMAAT)
4. Semasa mengambil dokumen tawaran, pembuat / pembekal hendaklah mengemukakan **SIJIL PENDAFTARAN** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dengan kod bidang berkaitan **SATU (1) SALINAN** bagi setiap sijil tersebut.
5. Dokumen tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis tajuk di sebelah kiri sampul surat serta dihantar supaya sampai ke Peti Tawaran di **BAHAGIAN PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI** pada **22 OGOS 2017 (SELASA)**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
6. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.

YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS